

# Racun perosak haram masih digunakan?

## SAUDARA PENGARANG,

SATU kajian lapangan ke atas perosak tanaman padi di utara Semenanjung mendapati racun perosak yang telah diharamkan masih digunakan oleh pihak tertentu. Racun perosak yang dimaksudkan adalah *Endosulfan* yang telah diharamkan dalam protokol Stockholm pada tahun 2012. Penggunaan *Endosulfan* mendedahkan manusia khususnya pengguna kepada beberapa risiko kesihatan.

*Endosulfan* didakwa membunuh semua jenis perosak. Namun, racun perosak ini turut menjejaskan serangga berguna dan haiwan yang terdapat dalam habitat sawah padi termasuk ikan, belut dan pemangsa semula jadi seperti ular dan musang. Ini bermakna *Endosulfan* akan menjejaskan ekosistem secara keseluruhan sekali gus mengganggu rantai makanan. Natijahnya, ia meningkatkan populasi perosak dan menjejaskan hasil tanaman.

Penggunaan *Endosulfan* memberi masalah lebih besar iaitu risiko kesihatan pengguna. Selain menjejaskan sistem endokrin iaitu pengeluaran hormon yang mengawal faktor kesuburan dan melambatkan proses kematangan seksual pada lelaki, ia juga boleh merencatkan perkembangan janin dan menyebabkan kecacatan fizikal.

*Endosulfan* juga adalah

sebatian neurotoksin yang menjejaskan saraf. Di antara kesannya ialah kekejangan, kesukaran bernafas, kegagalan mengawal pergerakan, muntah dan cirit dan boleh menyebabkan hilang kesedaran.

Botol racun *Endosulfan* yang ditemui di lapangan mempunyai label yang menunjukkan ia dikeluarkan oleh sebuah syarikat di Selangor dengan butiran nombor pendaftarannya sekali. Ini adalah sangat meragukan kerana Lembaga Racun Perosak sudah tentu tidak akan meluluskan pengilangan dan pemasaran racun *Endosulfan*. Sama ada kilang tersebut benar-benar wujud atau pihak berkenaan telah memalsukan pelekat yang ditampal pada botol racun tersebut.

Pihak berwajib sebelum ini telah melaporkan aktiviti penyeludupan racun perosak ini. Maka tidak mustahil racun *Endosulfan* dibawa masuk dari negara luar dan menggunakan pelekat palsu untuk mengaburi pihak berkuasa.

Para pengguna khususnya petani dan penanam padi dinasihatkan supaya mengelak menggunakan racun *Eldosulfan* ini. Adalah diharapkan aspek keselamatan dititikberatkan dalam mengatasi masalah perosak tanaman tanpa berkompromi aspek kesihatan pengguna dan alam sekitar.

Pengguna dinasihatkan untuk merujuk kepada Jabatan



**POSTER** yang dikeluarkan oleh **Pesticide Action Network Asia and The Pacific (PAN AP)** berhubung bahaya penggunaan rasun perosak **Endosulfan**.

Pertanian dan Pertubuhan Peladang setempat untuk mendapatkan khidmat nasihat dan panduan yang betul dalam memilih racun perosak yang disyorkan dan penggunaannya secara berhemah.

Fakulti Pertanian khususnya Jabatan Perlindungan Tumbuhan mengadakan banyak kajian tentang racun perosak dan kesannya terhadap alam sekitar dan haiwan bukan sasaran. Beberapa racun perosak yang mesra alam iaitu *Biopestisida* juga telah berjaya dihasilkan oleh beberapa penyelidik tanpa kesan mudarat.

**PROF. MADYA DR. HAFIDZI MOHD. NOOR**  
Pensyarah UPM